

09/01/2003

Dr Ling kekal Presiden MCA hingga 2005

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, beliau akan menghabiskan tempoh jawatannya sebagai Presiden MCA yang akan tamat pada 2005, walaupun meletakkan jawatan sebagai menteri Kabinet.

Dr Ling yang mengumumkan kelmarin penyerahan surat peletakan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kedudukannya sebagai pemimpin MCA akan dibincangkan dengan pemimpin lain dalam parti.

"Ini (jawatan) kita tidak boleh lepas macam itu saja. Bagi jawatan parti, saya perlu berbincang dengan rakan sekerja saya dalam parti kerana timbul persoalan bagi pengganti (saya).

"Malah, penggal saya adalah sehingga 2005. Saya tidak fikir rancangan lain setakat ini," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai jawatannya sebagai Presiden MCA berikutan pengumumannya, di pejabatnya di sini semalam.

Ketika membuat pengumuman itu selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), Dr Ling berkata, surat peletakan jawatan yang tidak meletakkan tarikh berkuat kuasa itu, dihantar kepada Perdana Menteri 15 Ogos lalu.

Dr Ling berkata, beliau membuat pengumuman itu kelmarin kerana Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN ada menyatakan mengenai hasrat beliau (Dr Ling) untuk bersara pada mesyuarat itu.

"Dr Mahathir mengatakan yang beliau menerima surat peletakan jawatan daripada Liong Sik. Jadi, selepas mesyuarat itu, saya membuat keputusan memaklumkan kepada media mengenai maklumat lebih terperinci.

"Kalau tidak, anda semua akan cuba meneka dan membuat spekulasi sebab-sebab saya ingin bersara," katanya.

Dr Ling juga menjelaskan mesyuarat Kabinet semalam tidak membincangkan isu surat peletakan beliau.

"Perdana Menteri mempunyai kuasa mutlak untuk menerima atau sebaliknya," katanya.

Dr Ling juga menyatakan penghargaan kepada Perdana Menteri, MCA dan BN atas segala kerjasama yang diberikan kepadanya sepanjang tempoh berkhidmat dalam kerajaan.

"Apabila Perdana Menteri sudah membuat keputusan (mengenai peletakan jawatan saya), saya juga akan berasa gembira dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, BN, MCA serta semua pihak yang menyokong saya," katanya.

Semalam Dr Ling sekali lagi menjelaskan hasratnya untuk bersara adalah kerana agendanya sudah tercapai iaitu menubuhkan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di samping sudah tiba masa baginya untuk 'pergi', selepas berkhidmat selama 26 tahun.

Beliau bagaimanapun enggan menjawab beberapa soalan mengenai tindakan susulannya jika Dr Mahathir tidak menerima peletakan jawatannya.

"Saya tidak mahu membuat sebarang spekulasi. Saya tidak boleh baca fikiran Perdana Menteri, tetapi saya amat menghormatinya," katanya sambil menambah beliau dilatih menjadi 'tentera' yang baik dan mengikut segala arahan 'jeneralnya'.

Mengenai pengganti jawatannya dalam Kabinet, beliau berkata, perkara itu perlu dibincangkan dengan parti sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri.

Mengenai perpaduan MCA, Dr Ling berkata, pertelingkahan antara pasukan A dan B sudah mula berkurangan kerana ahli MCA sudah mula bersikap matang

dan menerima peranan mereka terutama dalam menghadapi pilihan raya umum.